

Mahasiswa USIM tabur bakti di kampung Orang Asli

otai
MAHARAJU

LABIS 13 Okt. - Seramai 95 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai Program Pembangunan Pendidikan di Kampung Orang Asli Segamat Kecil dalam usaha memupuk minat belajar dalam kalangan kanak-kanak etnik tersebut baru-baru ini.

Pengarah Projek, **Mohamad Fadzil Kamaruddin** berkata, sepanjang program selama tiga hari itu, mahasiswa menabur bakti mendidik anak Orang Asli dan pada masa yang sama turut menimba pengalaman baharu mengenali secara dekat kehidupan masyarakat tersebut.

"Program ini merupakan serampang dua mata yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak, iaitu kanak-kanak Orag Asli didedahkan dengan ilmu akademik, manakala peserta pula menjadikannya medan untuk mempraktikkan teori yang telah dipelajari di dewan kuliah sebagai pendedahan awal dalam menempuh suasana pekerjaan sebenar nanti.

"Selain itu, program ini juga merupakan kesempatan terbaik mereka



MOHAMAD FADZIL KAMARUDDIN



ARSHAD RAHMAT



NURAFFIQA ABD. RAZAK

kehidupan seharian seperti memburu yang belum pernah dilihatnya sebelum ini.

"Saya dapati masyarakat Orang Asli mudah mesra dan begitu menghormati tetamu serta mementingkan kerjasama dalam kalangan mereka," kata penuntut tahun tiga jurusan pemasaran tersebut.

menimba pengalaman di luar serta peluang melaksanakan khidmat sosial kepada masyarakat," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas majlis penutupan program tersebut, di sini.

Menurutnya, aktiviti yang dilaksanakan diharap dapat membuka mata dan minda anak-anak Orang Asli di kampung tersebut supaya lebih berminat dan berusaha untuk berjaya dalam bidang pendidikan sehingga ke peringkat yang tertinggi.

Seorang peserta, **Arshad Rahmat** berkata, peluang mengikuti program tersebut memberi banyak pengalaman baharu kepadanya bukan sahaja mengenali gaya hidup masyarakat Orang Asli, malah melihat dan mencuba pelbagai peralatan yang digunakan oleh masyarakat itu dalam

Bagi **Nuraffiqa Abd. Razak** yang berasal dari Sungai Besar, walaupun masyarakat Orang Asli masih tertinggal jauh dari sudut pendidikan, namun kehidupan mereka semakin maju, malah ada yang hidup lebih mewah daripada orang Melayu dan kerjasama yang menjadi amalan hidup mereka patut dicontohi oleh masyarakat lain.

"Malah saya berasa selesa bergaul dengan mereka yang tidak keberatan untuk berkongsi ilmu serta pengalaman membuat pelbagai peralatan tradisional yang digunakan dalam kehidupan seharian seperti sumpit dan cara membina rumah daripada bahan semula jadi seperti kulit kayu," katanya.

